

SOALAN NO:431

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]

SOALAN : Dato' Johari bin Abdul minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan dilaporkan Kerajaan telah membuat siasatan terhadap longgokan beras di Kilang Beras Dibok Sdn Bhd di Behor Mali Perlis. Apakah sudah konklusif siasatan tersebut dan apakah yang dijumpai hasil dari siasatan tersebut.

JAWAPAN

Kilang Dibuk adalah kilang beras Bumiputera yang terlibat di bawah program Skim Upah Mengering dan Kisar (SUMK) yang disediakan oleh Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) melalui perjanjian program SUMK sejak Julai 2013. Di bawah program berkenaan, BERNAS menyediakan modal membeli padi dan memberi upah di atas pemprosesan padi.

Di bawah perjanjian SUMK, antara lainnya kilang-kilang yang terlibat perlu memproses padi yang dibeli dengan mengeluarkan beras mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Memandangkan syarikat Dibuk tidak memenuhi spesifikasi peratus kandungan hancur di paras 15%, beras berkenaan tidak terjual dan jumlah terkumpulnya meningkat ke paras melebihi 6,000 metrik tan (MT) pada Disember 2014.

Sehubungan itu, pada penghujung Disember 2014, BERNAS telahpun menawarkan penyelesaian ke atas stok beras di kilang Dibuk dengan pemprosesan semula sebahagian stok beras melalui perkongsian kos. Kilang Dibuk telah bersetuju dengan tawaran penyelesaian berkenaan dan kilang telah memproses semula beras berkenaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan supaya dapat dijual kepada pemborong-pemborong. Difahamkan isu ini telah pun selesai di antara kilang dengan pihak BERNAS.

Kilang-kilang padi perlu memastikan beras-beras yang dikisar adalah berkualiti dan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam perjanjian.

Sekian, terima kasih.